

Malaysia mahu jadi rakan AS yang berprinsip — Abdullah

Utusan Malaysia - 21/7/2004: 2 Perdana.

WASHINGTON 20 Julai — Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis makan malam Majlis Perniagaan Amerika Syarikat (AS) - ASEAN memperlihatkan pendekatan Malaysia dalam hubungannya dengan AS yang tidak banyak berubah walaupun dijangka akan jauh lebih baik.

Mesej yang disampaikan oleh Abdullah ialah Malaysia mahu menjadikan rakan AS yang berprinsip dengan memperkatakan apa yang benar walaupun berbeza pandangan atau mungkin tidak disenangi.

Sebagai rakan yang mempunyai prinsip, kata beliau: "kita sedia

bercakap secara ikhlas. Kita akan nyatakan apa yang difikirkan benar tanpa ada kepentingan tertentu melainkan bagi mendokong keselamatan global, keamanan dan kemakmuran."

Perkara itu disentuh oleh Abdullah pada akhir ucapannya di majlis tersebut yang dihadiri kira-kira 300 ahli perniagaan AS dan diplomat dari kalangan negara ASEAN, iaitu merupakan acara terakhir beliau dalam lawatan rasminya ke negara ini.

Perdana Menteri menarik perhatian memandangkan pendekatan dan apa sahaja yang akan dinyatakan oleh Malaysia berdasarkan ke-

pada prinsip maka Malaysia juga adalah rakan yang berwibawa.

Sehubungan itu, Abdullah mengajak persahabatan sedemikian antara kedua-dua negara dipelihara bukan sahaja untuk hubungan dua hala kerana ia menawarkan potensi yang jauh lebih besar.

Beliau juga berharap persahabatan dan komitmen untuk menggembleng kepentingan bersama membolehkan kedua-dua negara memberi sumbangan lebih besar kepada kepentingan sejagat seperti menangani soal perpecahan dan rasa tidak percaya yang semakin ketara.

Pada majlis itu, Abdullah mengambil kesempatan menggariskan

langkah-langkah pembaharuan dan penekanan baru yang dilakukannya bagi memastikan Malaysia bukan sahaja makmur untuk rakyatnya bahkan sebagai tarikan utama pelabur asing.

Ini meliputi usaha memerangi rasuah, mengurangkan kerenah birokrasi, penyusunan semula syarikat-syarikat strategik, tumpuan kepada pendidikan, mengurangkan kos perniagaan bagi pelabur, meningkatkan kecekapan kakitangan awam dan memberi penekanan baru kepada pertanian selain tumpuan kepada tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti.

Beliau juga menyatakan bahawa

Malaysia adalah negara paling menarik untuk pelaburan berdasarkan kestabilan dan indeks-indeks terbaru termasuk pertumbuhan 7.6 peratus Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK) pada suku tahun pertama, tahun ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menawarkan kepada syarikat-syarikat AS untuk membuka pusat pengedaran serantau, ibu pejabat operational dan pusat pembelian antarabangsa di Malaysia.

Mengenai Islam, katanya, usaha perlu dilakukan bagi merapatkan jurang antara Islam dan Barat.

"Usaha untuk merapatkan jurang itu mesti dilakukan mejangkai diplomasi elit," jelasnya.

Sebaik menamatkan ucapannya Abdullah menerima tepukan bergemuruh sambil berdiri daripada para hadirin.

Pada majlis itu juga, pihak penganjur membacakan perutusan Presiden AS, George W. Bush yang melahirkan rasa gembira atas hubungan dua hala yang baik dengan Malaysia dari aspek perdagangan hinggalah kepada kerjasama pertahanan dan memerangi keganasan.

Katanya, sebagai sebuah negara moderat, Malaysia merupakan contoh masyarakat moden, makmur, pelbagai agama dan pelbagai budaya. — *Utusan*